

Kertas Bil. 31/2022



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH (JP-PADAT) BAGI
DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU
PEWARTAAN DEWAN ORANG RAMAI DAN BALAI
RAYA DI SETIAP DAERAH DI NEGERI SELANGOR**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Taklimat Oleh PDT Dan PTGS Mengenai Balai Raya dan Dewan Orang Ramai	2
4	Penemuan Jawatankuasa	8
5	Saranan Jawatankuasa	9
6	Perakuan	10
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	11
	Urus setia	11

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH
(JP-PADAT) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU PEWARTAAN
DEWAN ORANG RAMAI DAN BALAI RAYA DI SETIAP DAERAH DI NEGERI
SELANGOR**

1. PENDAHULUAN

- 1.1 JP-PADAT telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali pada 20 Januari 2022 (Bil. 1/2022), 27 Januari 2022 (Bil. 2/2022), 7 Februari 2022 (Bil. 3/2022) dan 20 April 2022 (Bil. 5/2022) untuk meneliti isu pewartaan dewan orang ramai dan balai raya di setiap daerah di negeri Selangor.
- 1.2 JP-PADAT juga memandang serius terhadap status pewartaan dewan dan balai raya ini kerana berlaku kesulitan semasa orang awam ingin membuat urusan yang disebabkan kekaburuan status pemilikannya.
- 1.3 Selain dari itu, JP-PADAT juga meneliti keperluan penyelenggaraan berkala untuk memastikan keadaan struktur bangunan selamat digunakan dan keperluan mewujudkan kemudahan peralatan yang lengkap supaya dapat aktiviti yang akan dilaksanakan di dewan atau balai raya dapat dirancang disamping dapat menjana pendapat kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Pejabat Daerah dan Tanah serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 JP-PADAT pada Mesyuarat Bil. 3/2022 tarikh 7 Februari telah menjemput wakil Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan wakil Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) di Selangor untuk memberi taklimat mengenai dewan orang ramai dan balai raya. Mesyuarat dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa berikut:

- | | |
|--|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Banting) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran
(ADN Kawasan Bukit Gasing) | Ahli |
| 3. Y.B. Puan Wong Siew Ki
(ADN Kawasan Balakong) | Ahli |
| 4. Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias
(ADN Kawasan Sungai Burong) | Ahli |

5. Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan Ahli
(ADN Kawasan Taman Templer)

3. TAKLIMAT OLEH PDT DAN PTGS MENGENAI BALAI RAYA DAN DEWAN ORANG RAMAI

3.1 PDT PETALING

- 3.1.1 Jawatankuasa dimaklumkan bahawa jumlah dewan/balai raya atas tanah rizab dewan/balai raya ialah 17 buah yang mana 10 telah selesai diwartakan, tujuh (7) masih dalam proses pewartaan.
- 3.1.2 Dari senarai yang dibekalkan, terdapat satu dewan yang dibina atas tanah hakmilik individu iaitu dewan orang ramai Kampung Sri Aman. PDT telah memutuskan tidak meneruskan penyelenggaraan dan menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pemilik tanah.
- 3.1.3 Selain dari itu, terdapat satu balai raya yang dibina di atas rizab jalan (daerah Klang) iaitu balai raya Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kg. Budiman. PDT telah mendapati balai penghulu yang telah dibina di atas tanah ini tidak selamat digunakan dan mencadangkan supaya balai raya baharu dibina atas tanah rizab padang bola dan diwartakan untuk kegunaan padang bola serta kegunaan-kegunaan awam yang lain. Status pembinaan balai ini masih belum mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.
- 3.1.4 Tanggungjawab untuk menjaga dan menyelenggara balai raya dan dewan orang ramai tertakluk kepada lokasi bangunan tersebut dimana balai raya dan dewan orang ramai di bawah jagaan MPKK seperti Kampung Baru dan Kampung Tradisi diselenggarakan oleh PDT manakala balai raya dan dewan orang ramai yang dibina di lokasi taman perumahan di bawah jagaan dan selenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- 3.1.5 Proses pewartaan balai raya dan dewan orang ramai mengambil masa yang agak lama yang mana kebanyakkan kelulusan yang diperolehi bagi tujuan pewartaan adalah dari tahun 2017 dan sehingga kini masih dalam proses.
- 3.1.6 PDT memaklumkan terdapat perbezaan jumlah balai raya dan dewan orang ramai di setiap daerah adalah disebabkan bilangan kampung tradisi, kampung baru dan kampung komuniti di kawasan luar bandar.
- 3.1.7 PDT memaklumkan tiada syarat ditetapkan untuk proses serah hakmilik. Diperingkat PDT tempoh yang ditetapkan oleh piagam

pelanggan adalah enam (6) bulan bermula daripada permohonan melalui kertas ringkasan oleh PDT kepada PTGS hingga kelulusan Menteri Besar diperolehi.

- 3.1.8 Setelah mendapat kelulusan Menteri Besar, kertas ringkasan akan diturunkan semula kepada PDT untuk proses pewartaan. Proses ini melibatkan dua bahagian yang mana melibatkan proses yang mempunyai pelan PA (Pelan Akui) dan pelan pra-hitungan (*Pre-Computation*).
- 3.1.9 Proses yang melibat pelan PA mengambil masa yang lebih lama berbanding pelan pra-hitungan kerana PDT perlu mengemukakan pelan pemetaan kawasan yang akan diwartakan kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk pengeluaran PA.
- 3.1.10 Sekiranya proses pewartaan melibatkan hanya pelan pra-hitungan sahaja, ianya perlu dikemukakan kepada Kamar Penasihat Undang-Undang (PUU) untuk tujuan pewartaan dan kemudiannya dihantar kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- 3.1.11 Bangunan atau struktur boleh dibangunkan setelah mendapat kelulusan Menteri Besar.

3.2 PDT GOMBAK

- 3.2.1 PDT Gombak memaklumkan terdapat 46 buah balai raya yang mana 15 telah diwartakan, 12 telah diluluskan, 6 telah ditolak dan 13 ditangguhkan (KIV).
- 3.2.2 6 permohonan yang ditolak adalah kerana:
 - a) Lot bertindih.
 - b) Bercanggahan dengan zon.
 - c) Rizab laluan Tenaga Nasional Berhad (TNB).
 - d) Pengulangan permohonan.
- 3.2.3 PDT Gombak memaklumkan terdapat 45 buah dewan yang mana 22 telah diwartakan, 12 masih dalam proses, dan 11 telah ditolak.
- 3.2.4 Proses permohonan untuk pewartaan dewan dipohon oleh PBT (Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Kajang) dan balai raya untuk kegunaan MPKK dipohon oleh PDT.

3.3 PDT KLANG

- 3.3.1 Terdapat 23 balai raya yang mana 7 dalam tindakan pewartaan dan 16 masih belum diwartakan.

- 3.3.2 Terdapat 10 buah dewan, enam masih dalam tindakan, tiga belum diwartakan dan satu telah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Klang (MPK).
- 3.3.3 Proses pewartaan dewan/balai raya MPKK mengambil masa yang lama kerana ianya melibatkan kerja-kerja ukur oleh jurukur berlesen serta melibatkan peruntukan kewangan oleh pihak Kerajaan Negeri.
- 3.3.4 PDT Klang memaklumkan dewan/balai raya yang masih belum diwartakan adalah di bawah seliaan dan penyelenggaraan PDT Klang.
- 3.3.5 Dewan/balai raya yang telah diwartakan akan diserahkan masing-masing kepada PBT dan MPKK. Pihak MPKK akan menanggung kos utiliti dan pemberian kecil dewan/balai raya. Kos penyelenggaraan akan ditanggung oleh PDT Klang yang mana peruntukan ini mengambil masa yang lama.

3.4 PDT HULU LANGAT

- 3.4.1 Terdapat 58 balai raya (lapan telah diwartakan, 20 dalam proses, 24 tiada permohonan warta, satu rizab Jabatan Kerja Raya (JKR), satu warta dewan Majlis Ampang Jaya (MPAJ), dua tanah hakmilik dan dua rizab Jabatan Pengairan Ssaliran (JPS)).
- 3.4.2 Terdapat 12 dewan (satu telah diwartakan, satu dalam proses dan 10 tiada permohonan warta).
- 3.4.3 PDT Hulu Langat memaklumkan terdapat permohonan yang ditolak seperti permohonan balai raya Kampung Rinching Tengah kerana ianya dibina di sebahagian tanah hakmilik Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). PDT telah mengambil tindakan dengan berbincang bersama pihak JAIS.
- 3.4.4 Tindakan yang diambil oleh PDT Hulu Langat adalah seperti berikut:-
 - a) Bagi tanah Kerajaan:
 - (i) Kerajaan Negeri menyalurkan peruntukan kepada PDT bagi pelaksanaan kerja-kerja pengukuran untuk penyediaan pelan pra-hitungan bagi tujuan pewartaan.
 - b) Bagi tanah rizab (sungai/jalan):
 - (i) Permohonan pajakan di bawah Seksyen 63 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) bagi tempoh tidak melebihi 21 tahun namun tertakluk kepada kelulusan jabatan terlibat (JPS/JKR).

- (ii) Agensi berkepentingan mencadangkan tapak baru (sekiranya JPS/JKR tidak bersetuju) untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.
- c) Bagi tanah hakmilik:
 - (i) Serahan tanah oleh pemilik di bawah Seksyen 197 (Borang 12A) KTN 1965.
 - (ii) Pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi tujuan kemudahan awam. Kerajaan Negeri perlu menyediakan peruntukan bagi kos pengambilan tanah.

3.5 PDT SEPANG

- 3.5.1 Terdapat tujuh dewan dan 27 balai raya (20 telah diwartakan, 11 dalam tindakan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan tiga dalam proses mengumpul data).
- 3.5.2 Kesemua dewan/balai raya telah diletakkan papan tanda supaya jelas pemilikan bangunan dan memudahkan urusan.
- 3.5.3 Terdapat isu pertindihan hakmilik dan lot iaitu di Kg. Sungai Buah dan Kg. Cemperai yang mana permohonan ini telah diluluskan oleh Menteri Besar pada tahun 2017. Namun pewartaan ini masih belum selesai.

3.6 PDT KUALA LANGAT

- 3.6.1 Terdapat 56 tapak balai raya kampung tradisi yang masih belum mula proses pewartaan. Ini adalah kerana kekangan peruntukan bagi penyediaan pelan pra-hitungan.
- 3.6.2 Terdapat 28 dewan orang ramai yang dalam kampung tradisi (tiga telah diwartakan dan 25 dalam proses pewartaan).
- 3.6.3 terdapat 17 balai raya dalam taman perumahan (kawasan PBT) dalam proses tindakan pewartaan dan akan diserahkan kepada PBT setelah selesai diwartakan.
- 3.6.4 Terdapat arahan dari pihak Kerajaan Negeri untuk menyerahkan kepada PBT walaupun struktur bangunan tidak mengikut spesifikasi PBT.
- 3.6.5 Terdapat satu dewan dan satu balai raya yang terletak di atas tanah persendirian yang strukturnya agak uzur dan tidak selamat digunakan oleh orang awam. PDT Kuala Langat, MPKK atau ketua kampung tidak mengambil alih penyelenggaraan dan pembaikan

serta bil utiliti Dewan/balai raya tersebut. Ianya diuruskan oleh orang persendirian.

3.7 PDT HULU SELANGOR

- 3.7.1 Terdapat 52 dewan/balai raya (31 telah diwartakan dan 21 dalam tindakan pihak JUPEM untuk mendapatkan pengesahan pelan PA).
- 3.7.2 Terdapat tujuh dewan/balai raya yang dibina di atas tanah rizab lain dan PDT Hulu Selangor telah mengambil tindakan perobohan. Selain dari itu, 10 dewan/balai raya yang dibina di atas tanah hakmilik telah diserahkan kepada pemilik tanah.
- 3.7.3 Secara keseluruhannya proses pewartaan mengambil masa di antara tiga hingga lima tahun.

3.8 PDT KUALA SELANGOR

- 3.8.1 PDT Kuala Selangor memaklumkan senarai inventori yang diterima daripada pihak penghulu adalah 78 balai raya namun hanya 59 balai raya yang direkodkan oleh unit pengurusan tanah.
- 3.8.2 Dewan/balai raya yang telah dibina di atas tanah persendirian akan diserahkan kepada pemilik tanah untuk penyelenggaraan.

3.9 PDT SABAK BERNAM

- 3.9.1 Terdapat 94 balai raya MPKK/Ketua Komuniti India (KKI) di atas tanah kerajaan. Sebanyak 40 balai raya di atas tanah persendirian dan empat dibina di atas tanah rizab parit/JPS/jalan.
- 3.9.2 Terdapat 13 dewan (enam telah diwartakan dan tujuh belum diwartakan).
- 3.9.3 Isu/masalah berkaitan balai raya adalah seperti berikut:-
 - a) Isu kampung yang tiada balai raya kerana tiada tanah kerajaan untuk membina balai raya atau meletakkan kabin sebagai balai raya.
 - b) Isu pemilik balai raya di atas tanah persendirian yang telah dibina sejak tahun 80an memohon untuk penyelenggaraan balai raya tanpa status penyerahan kepada kerajaan.
 - c) Isu kampung yang mempunyai lebih daripada satu balai raya dan sebahagiannya tidak menggunakan balai raya tambahan berkenaan.
 - d) Isu balai raya yang kurang digunakan kerana tidak mempunyai kelengkapan asas seperti meja, kerusi, sambungan elektrik dan tunggakan bil air daripada ketua kampung terdahulu.

3.9.4 Langkah penyelesaian adalah seperti berikut:-

- a) Pelaksanaan bancian dan menyediakan inventori dewan/balai raya di atas tanah kerajaan dan tanah persendirian pada tahun 2016, 2018 dan 2020.
- b) Membuat permohonan pewartaan dewan/balai raya di atas kerajaan.
- c) Mengambil inisiatif dengan meminta pemilik menurunkan papan tanda JKKK yang lama di dewan/balai raya di atas tanah persendirian.
- d) Membuat penyeragaman warna balai raya MPKK Daerah Sabak Bernam di bawah Kerajaan Negeri (warna kelabu, putih dan hitam) setelah peruntukan penyelenggaraan diluluskan.
- e) Cadangan memohon kebenaran Kerajaan Negeri untuk membolehkan sewaan balai raya yang tidak dijadikan Bilik Gerakan MPKK secara sewaan *one-off* sama ada oleh individu atau *Non-Governmental Organization* (selain kegunaan politik) atau token minimum (untuk menampung kos utiliti) bagi agensi kerajaan yang lain untuk guna sama balai raya.
- f) Mengambil langkah menyiasat setiap permohonan untuk baik pulih balai raya.

3.10 PTGS

3.10.1 PTGS memaklumkan terdapat beberapa kekangan yang dihadapi dalam proses pewartaan seperti berikut:

- a) Pada dasarnya piagam pelanggan adalah enam bulan untuk mendapatkan kelulusan pihak Menteri Besar. Namun, piagam pelanggan ini hanya melibatkan proses permohonan bermula dari kertas ringkas diterima hingga kelulusan Menteri Besar diperolehi. Di lapangan, piagam pelanggan ini tidak dapat dipenuhi kerana tempoh yang lama diambil untuk mendapatkan tandatangan kelulusan pihak Menteri Besar.
- b) Penyediakan pelan warta/lot bergantung kepada kelapangan pihak JUPEM.
- c) Proses percetakan warta oleh PNMB mempunyai tempoh tertentu untuk diterbitkan iaitu dua kali dalam satu bulan.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 JP-PADAT mendapati maklumat status pewartaan yang dibekalkan oleh setiap PDT tidak konsisten.
- 4.2 JP-PADAT mendapati tiada penyeragaman mengenai pembentangan status terkini pewartaan dewan/balai raya di mesyuarat Jawatankuasa atau mesyuarat penuh bulanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) kecuali PDT Kuala Langat.
- 4.3 JP-PADAT mendapati proses pewartaan balai raya dan dewan orang ramai mengambil masa yang agak lama yang mana kebanyakkan kelulusan yang diperolehi bagi tujuan pewartaan adalah dari tahun 2017 dan sehingga kini masih dalam proses.
- 4.4 JP-PADAT mendapati pada dasarnya piagam pelanggan bagi kelulusan permohonan pewartaan adalah enam bulan untuk mendapatkan kelulusan pihak Menteri Besar. Namun, di lapangan piagam pelanggan ini tidak dapat dipenuhi kerana tempoh yang lama diambil untuk mendapatkan tandatangan kelulusan pihak Menteri Besar.
- 4.5 JP-PADAT mendapati proses yang melibatkan penyediaan Pelan Akui (PA) mengambil masa yang lebih lama berbanding pelan pra-hitungan kerana PDT perlu mengemukakan pelan pemetaan kawasan yang akan diwartakan kepada pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) untuk pengeluaran PA. Penyediakan pelan warta/lot juga bergantung kepada kelapangan pihak JUPEM. Selain dari itu, proses percetakan warta oleh PNMB mempunyai tempoh tertentu untuk diterbitkan iaitu dua kali dalam satu bulan.
- 4.6 JP-PADAT mendapati proses pewartaan dewan/balai raya melibatkan peruntukan kewangan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk tujuan kerja-kerja ukur di lapangan oleh jurukur berlesen, kos kertas dan percetakan hak milik. Pada masa yang sama JP-PADAT mendapati Kerajaan Negeri tidak menyediakan suatu peruntukan tetap kepada setiap PDT untuk tujuan penyelenggaraan dewan/balai raya.
- 4.7 JP-PADAT mendapati terdapat balai raya kurang digunakan kerana tidak mempunyai kelengkapan asas seperti meja, kerusi, sambungan elektrik dan tunggakan bil air daripada ketua kampung terdahulu.

5. SARANAN JAWATANKUASA

- 5.1 JP-PADAT menyarankan agar Kerajaan Negeri membuat pembentangan laporan status terkini dewan/balai raya yang telah diwartakan atau yang masih dalam proses di semua PDT di dalam mesyuarat Jawatankuasa atau mesyuarat penuh bulanan PBT dan laporan tersebut perlu disalinkan kepada JP-PADAT supaya JP-PADAT mendapat maklumat mengenai status terkini pewartaan dewan/balai raya tersebut.
- 5.2 JP-PADAT menyarankan agar PDT dapat memaparkan papan tanda supaya status pemilikan dewan/balai raya lebih jelas serta memudahkan orang ramai berurusan dengan pihak yang betul.
- 5.3 JP-PADAT menyarankan supaya bagi mana-mana permohonan pewartaan yang tidak dapat diselesaikan dalam tempoh enam bulan, pihak PTGS perlu memaklumkan kepada pemohon sebab kelewatan supaya mereka mendapat maklumat status terkini.
- 5.4 JP-PADAT menyarankan agar peruntukan khusus disalurkan setiap tahun oleh Kerajaan Negeri untuk tujuan penyelenggaraan dewan/balai raya di setiap PDT supaya pembaikan kecil dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.
- 5.5 JP-PADAT menyarankan agar PDT memastikan kelengkapan asas disediakan supaya dapat menarik orang ramai untuk menyewa dewan/balai raya tersebut. Ini dapat menjana pendapatan kepada MPKK bagi dewan/balai raya yang telah diwartakan serta kepada PDT bagi dewan/balai raya yang dalam proses dan belum diwartakan. Selain daripada itu, hasil sewaan ini boleh digunakan untuk menampung kos utiliti serta menaik taraf dewan/balai raya dari semasa ke semasa tanpa bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan Negeri.
- 5.6 JP-PADAT menyarankan agar PDT sentiasa menjalankan audit dan pemeriksaan secara berkala terhadap pengurusan aset dan inventori serta kutipan sewa penggunaan dewan/balai raya agar tidak berlaku ketirisan.
- 5.7 JP-PADAT menyarankan setiap PDT memberi peringatan kepada semua caretaker (pihak yang menguruskan operasi dewan/balai raya) bahawa aset-aset di dalam dewan/balai raya adalah aset kerajaan dan mereka tidak boleh mengalihkan aset-aset tersebut tanpa kelulusan PDT. Semua aset kerajaan yang terletak di dalam dewan/balai raya adalah tertakluk kepada tatacara pengurusan aset Kerajaan. Kegagalan caretaker untuk menjaga aset-aset tersebut boleh diambil tindakan mengikut peraturan yang sewajarnya.

6. PERAKUAN

JP-PADAT ini ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak PTGS dan semua PDT di Selangor dalam menjayakan penyediaan penyata ini. Pihak PTGS dan PDT telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan awal sebelum menyediakan kertas ringkasan permohonan perwataan dewan/balai raya yang mempunyai pertindihan lot dan hakmilik untuk mengelakkan pembaziran peruntukan dimana peruntukan tersebut boleh digunakan untuk penyelenggaraan dewan orang ramai dan balai raya yang lebih banyak. JP-PADAT berharap hubungan baik dapat dikekalkan di samping meningkatkan prestasi kecemerlangan dalam menjalankan fungsi dan peranan masing-masing.

Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-PADAT dalam Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 5/2022 pada 20 April 2022.

Disahkan oleh:



Y.B. TUAN LAU WENG SAN
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan
Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT)
Dewan Negeri Selangor

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Pejabat Daerah dan Tanah (JP-PADAT):

1. Y.B. Tuan Lau Weng San (ADN Kawasan Banting)	Pengerusi
2. Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
3. Y.B. Puan Wong Siew Ki (ADN Kawasan Balakong)	Ahli
4. Y.B. Puan Juwairiya binti Zulkifli (ADN Kawsan Bukit Melawati)	Ahli
5. Y.B. Tuan Mohd Sany bin Hamzan (ADN Kawasan Taman Templer)	Ahli
6. Y.B. Tuan Adhif Syan bin Abdullah (ADN Kawasan Dengkil)	Ahli
7. Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias (ADN Kawasan Sungai Burong)	Ahli

URUS SETIA

- 1) Puan Gayathri Prasena A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- 2) Encik Muhajirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- 3) Cik Nurul Liana binti Musa
Penolong Pegawai Tadbir
- 4) Puan Salmiah binti Hamdan
Pegawai Penyelidik Kanan Pejabat Speaker
- 5) Cik Cheah Sheue Chyi
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Turut Hadir:

WAKIL PEJABAT DAN GALIAN NEGERI SELANGOR (PTGS)

1. Tuan Yusri bin Zakariah
Pengarah
2. Puan Noriah binti Ramly
Ketua Penolong Pengarah (Hasil)
3. Encik Mohd Alihanafi bin Mohd Yunus
KEtua Penolong Pengarah (Strata)
4. Encik Hafizullah bin Mohd Hussin
Penolong Pengarah

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) GOMBAK

1. Puan Eamy binti Mokhtar
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
2. Encik Mohd Adib bin Mohd Arshad
Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pengurusan Tanah)
3. Puan Maisarah binti Mustapa Bakri
Penolong Pengarah Tanah (Bahagian Pengurusan Tanah)

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) KUALA LANGAT

1. Encik Mohd Asraf bin Redzuan
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
2. Puan Idayuamimah binti Ibrahim
Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) PETALING

1. Encik Mohamad Aiman Ahmad Danial
Penolong Pegawai Daerah
2. Encik Mohd Farid bin Shaharir
Penolong Pengarah Daerah
3. Encik Mohd Hizami bin Borhanudin
Penolong Pegawai Tanah

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) KLANG

1. Encik Mohd Yusaimi Mat Yusof
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) SEPANG

1. Puan Siti Nooraishah binti Yahaya
Penolong Pengarah Daerah (Pembangunan Masyarakat)
2. Encik Muhammad Asril bin Jamil
Penolong Pegawai Tanah

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) SABAK BERNAM

1. Encik Nazrin Izwan bin Mohd Noh
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah)
2. Encik Zain Azmi bin Mohd Nor
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
3. Encik Romaizar bin Mohd Nasuha
Penolong Pengarah Tanah

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) HULU LANGAT

1. Puan Khairul Aizawati Binti Khalid
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah)
2. Encik Yuhanas Auree Bin Kamaruddin
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)
3. Puan Wan Nur Aisyah Binti Wan Din
Penolong Pegawai Daerah
4. Encik Muhamad Idham B Mohamad Idrus
Penolong Jurutera

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) KUALA SELANGOR

1. Encik Mohd Zary Affendi Bin Mohd Arif
Ketua Penolong Pegawai Daerah (PTD)
2. Puan Mutiah Binti Hud
Ketua Penolong Pegawai Daerah (PTD)

WAKIL PEJABAT DAERAH DAN TANAH (PDT) HULU SELANGOR

1. Puan Siti Aminah Binti Jamadi
Penolong Pegawai Daerah